

Nama:

Lengkapkan karangan "Manfaatkan Air Hujan" dengan menaip jawapan yang tepat.

betul	lancar	tong takungan air	berhati-hati	deras	skru	paip	berjauhan
terkumpul	kemas	haiwan kecil	terasing	bertepatan	panduan	manusia	
menganugerahkan	benda asing	dipakai	manfaat	kos	berjanji	digunakan	
sekitar	bertolak ansur	kepala paip	bil	bersyukur	tanah	dibeli	diambil
kepadatan	berdekatan	menebuk	bekas takungan air	kebocoran	melalui		

Manfaatkan Air Hujan

Saya dan datuk ingin mengumpulkan dan menggunakan air hujan. Mula-mula, saya dan datuk menyediakan tangki air, kepala paip, **paip**, sepana, rantai, **bekas takungan air**, gam dan jaring. Alatan-alatan itu **dibeli** oleh datuk dari kedai yang tidak jauh dari rumah.

Selepas itu, datuk memasang jaring di bahagian atas takungan air untuk mengelakkan **benda asing** daripada memasuki bekas tersebut. Datuk **menebuk** lubang di tepi bekas takungan air. Saya membantu datuk memasang **kepala paip** pada lubang di tepi bekas takungan air tadi untuk air mengalir keluar.

Kemudian, datuk memasang paip di bawah bumbung bagi memudahkan air hujan yang turun mengalir ke dalam bekas takungan. Paip itu dipasang dengan **kemas** sekali untuk mengelakkan daripada berlakunya **kebocoran** pada paip tersebut. Datuk membuat kerja pemasangan tersebut dengan penuh teliti dan **berhati-hati**.

Seterusnya, rantai dipasang berdekatan saluran paip agar air hujan dapat mengalir dengan **lancar**. Apabila hujan turun, air hujan akan mengalir **melalui** rantai tersebut dan akan **terkumpul** di dalam bekas takungan air. Bekas takungan mestilah diletakkan **berdekatan** dengan rantai yang dipasang dengan saluran paip.

Akhir sekali, air hujan yang terkumpul di dalam bekas takungan **digunakan** oleh ibu. Ibu menggunakan air hujan tersebut untuk menyiram pokok-pokok bunga di **sekitar** rumah.

Kesimpulannya, kita hendaklah menggunakan air hujan yang turun kerana air hujan tersebut memberikan banyak **manfaat** untuk kehidupan kita. Di samping itu, penggunaan air hujan yang efektif juga dapat menjimatkan **kos** pembayaran bil air. Kita hendaklah **bersyukur** kepada Tuhan kerana **menganugerahkan** air hujan yang bermanfaat kepada **manusia**.